



GARIS PANDUAN PENGENDALIAN UJIAN AIR KENCING KE ATAS INDIVIDU (TAMBAHAN)

PENGENDALIAN UJIAN AIR KENCING KE ATAS ORANG KENA PENGAWASAN DALAM TEMPOH PENULARAN WABAK COVID-19

TARIKH KELUARAN: 29 APRIL 2020

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan skop, prosedur pelaksanaan dan tatacara pengendalian ujian air kencing Orang Kena Pengawasan dalam tempoh penularan wabak Covid 19.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Orang Kena Pengawasan (OKP) adalah tertakluk kepada syarat-syarat pengawasan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.
- 2.2 Pengendalian ujian air kencing OKP adalah penting untuk memastikan peningkatan pematuhan kepada syarat-syarat pengawasan dan kepulihan OKP.
- 2.3 Pengendalian ujian air kencing OKP merupakan satu usaha untuk mengekalkan kepulihan OKP bagi menyumbang ke arah pengurangan permintaan terhadap dadah.
- 2.4 Pengendalian ujian air kencing dalam tempoh PKP perlu merujuk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) dan arahan dari masa ke semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 2.5 Penularan wabak Covid -19 telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. Dalam usaha untuk memelihara kebajikan pegawai AADK dan memastikan kesinambungan perkhidmatan AADK, beberapa tindakan perlu dilaksanakan untuk memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif.

3. TERMINOLOGI

3.1 Perintah Kawalan Pergerakan

Merujuk kepada tindakan pembatasan pergerakan bagi tujuan pencegahan oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani penularan wabak koronavirus (Covid -19) bermula 16 Mac 2020 sehingga tempoh yang dimaklumkan kemudian.

3.2 Covid -19

Dikenali juga sebagai Penyakit Koronavirus 2019-2020 yang merupakan penularan wabak secara global dan boleh mengakibatkan sindrom pernafasan akut teruk.

3.3 Penjarakan Sosial

Merupakan pembatasan sosial (*social distancing*) yang menjarakkan diri secara fizikal dengan individu lain bagi tujuan mengekang penularan jangkitan Covid-19

3.4 Disinfeksi

Bermaksud pembasmian kuman, virus atau bakteria menggunakan kaedah yang telah ditetapkan oleh KKM bagi tujuan mengelakkan penularan jangkitan.

3.5 Topeng Muka (*Face Mask*)

Alat yang digunakan untuk menutup bahagian pernafasan manusia (*nasal*) bagi tujuan menapis virus Covid -19 yang boleh tersebar melalui pengudaraan.

3.6 *Hand Sanitizer*

Merupakan pembersih tangan berbentuk cecair yang mengandungi bahan alkohol 75 peratus ke atas memiliki kemampuan untuk membunuh bakteria dan virus.

3.7 Sarung Tangan Getah

Alat perlindungan bagi mengelakkan bahagian tangan terdedah dengan kuman dan virus semasa melaksanakan tugas.

3.8 *Personal Protective Equipment (PPE)*

Merupakan peralatan perlindungan keselamatan yang bertujuan untuk melindungi diri daripada jangkitan kuman, bakteria atau virus dari kepala hingga ke kaki.

4. TATACARA PENGENDALIAN UJIAN AIR KENCING

4.1 Sebelum Pelaksanaan :

4.1.1 Semua Pegawai Agensi yang terlibat dengan pengendalian ujian air kencing perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Mewujudkan pegawai tetap untuk pelaksanaan pengendalian ujian air kencing bagi tujuan mengurangkan risiko penularan jangkitan dalam kalangan Pegawai Agensi.

- ii. Membuat pemeriksaan dan saringan kesihatan dengan memeriksa suhu badan, simptom-simptom penyakit Covid-19, sejarah perjalanan dan kontak rapat pegawai sebelum mengeluarkan arahan bertugas.
- iii. Memastikan penjarakan sosial dalam kalangan pegawai AADK.
- iv. Memastikan semua pegawai mencuci tangan menggunakan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) sebelum memulakan tugas.
- v. Memastikan semua pegawai AADK berpakaian baju lengan panjang, memakai topeng muka (*face mask*) dan sarung tangan sebelum mengendalikan ujian air kencing.

4.2 Semasa Pengendalian Ujian Air Kencing

Semua Pegawai Agensi yang terlibat dengan pelaksanaan ujian air kencing perlu mengambil tindakan seperti berikut :

- i. Membuat pemeriksaan dan saringan kesihatan dengan memeriksa suhu badan, simptom-simptom penyakit Covid-19, sejarah perjalanan dan kontak rapat OKP sebelum Pengendalian Ujian Air Kencing (Borang Saringan Untuk Penyakit Covid-19 di Lampiran 2).

- ii. Sekiranya OKP mempunyai simptom penyakit Covid-19, Pegawai Agensi hendaklah merujuk OKP tersebut kepada *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* Kebangsaan KKM untuk maklumat dan tindakan lanjut.
- iii. Memastikan OKP memakai topeng muka, mencuci tangan menggunakan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) sebelum menjalani ujian air kencing.
- iv. Memastikan Pengendalian ujian air kencing berjalan dengan mengamalkan penjarakan sosial.
- v. Pelaksanaan ujian saringan air kencing hanya boleh dilaksanakan sebaik sahaja tindakan di Para 5.1.1(ii) dan Para 5.1.1(iii) dilakukan.
- vi. Menyediakan Borang Ujian Air Kencing (**kertas jalur**) untuk dilengkapi oleh OKP dan menyerahkan botol untuk ujian saringan air kencing.
- vii. Pengambilan sampel air kencing diuji dengan menggunakan kertas jalur dengan disaksikan oleh klien sendiri dan merujuk kepada **PTKP B 04 / 2018 Pengendalian Ujian Air Kencing Ke atas Individu**
- viii. Memastikan supaya pengurusan dokumentasi dilakukan menggunakan kaedah aliran sehala bagi mengelakkan risiko penularan jangkitan.

5.2 Selepas Pengendalian Ujian Air Kencing :

Pegawai AADK yang terlibat dengan pengendalian ujian air kencing perlu mengambil tindakan seperti berikut :

- i. Memastikan semua kelengkapan pakai buang (topeng muka, sarung tangan, *face shield visor*, botol air kencing, strip ujian air kencing dan lain-lain peralatan dilupuskan dengan cara yang teratur dan selamat setelah selesai digunakan.
- ii. Semua pegawai Agensi yang terlibat perlu membasuh tangan menggunakan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) sebaik sahaja tamat operasi (*stand down*).
- iii. Sentiasa mengamalkan penjarakan sosial semasa dan selepas pengendalian ujian urin.
- iv. Semua prosedur pelaksanaan Pengendalian Ujian Air Kencing hendak merujuk carta alir seperti di lampiran 1.

6. RUJUKAN

- 6.1 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983
- 6.2 Akta Dadah Berbahaya 1952
- 6.3 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)
- 6.4 Akta Keterangan 1950
- 6.5 Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP B 04/2018 Pengendalian Ujian Air Kencing Ke atas Individu)
- 6.6 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)
- 6.7 *Partnership Term of Reference* (Pengurusan OKP) 2017
- 6.8 *Covid-19 - Management Guidelines for Workplace (Annex 25)* KKM
- 6.9 *Covid-19 - Management Guidelines for Social Distancing (Annex 26)* KKM

5. ARAHAN KUATKUASA

Semua Program Pengendalian Ujian Urin dalam tempoh penularan wabak COVID-19 dalam kalangan Orang Kena Pengawasan di bawah pengawasan oleh AADK hendaklah mengikut garis panduan yang telah disediakan ini berkuatkuasa 16 Mac 2020.

6. PENUTUP

Garis panduan ini merupakan rujukan dan panduan kepada pegawai-pegawai Agensi semua peringkat pelaksana bagi memastikan urus tadbir sesuatu arahan Program Pengendalian Ujian Air Kencing Orang Kena Pengawasan mengikut ketetapan yang telah digariskan berdasarkan Akta dan Peraturan yang berkuatkuasa.




.....
(DATO' SRI ZULKIFLI BIN ABDULLAH) CP

Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh:  APRIL 2020

LAMPIRAN 1

**CARTA ALIR PELAKSANAAN PENGENDALIAN UJIAN AIR KENCING
DALAM TEMPOH PENULARAN WABAK COVID - 19**



Taklimat ringkas oleh pegawai AADK Daerah

Pelaksanaan Saringan Kesihatan Asas bagi mengenalpasti simptom Covid-19 seperti :
a) Memeriksa Suhu Badan
b) Mengesan simptom penyakit Covid-19
c) Mengesahkan kontak dan rekod

Pelaksanaan Ujian Saringan Air Kencing

LAMPIRAN 2



BORANG SARINGAN UNTUK PENYAKIT COVID-19
(Pihak AADK boleh membuat modifikasi yang bersesuaian, mengikut keperluan setempat)

Nama : _____
 No Kad Pengenalan : _____
 No Telefon : _____

RISIKO DALAM MASA 14 HARI (TANDAKAN /)		YA	TIDAK
1	Adakah anda baru balik dari melawat luar negara dalam masa 14 hari Jika YA, Nyatakan Negara yang dilawati :		
2	Adakah anda ada menyertai Ijtimak Tabligh @ mana-mana perhimpunan dalam masa 14 hari?		
3	Adakah anda ada KONTAK RAPAT dengan individu yang DISAHKAN Positif COVID-19?		
	a. Adakah keluarga serumah atau ahli tabligh dari kumpulan kecil, disahkan positif COVID-19?		
	b. Berada bersama di dalam bilik TERTUTUP yang menggunakan penghawa dingin lebih daripada 2 jam		
	c. Bekerja / bersemuka dalam RUANG TERTUTUP yang sama, dalam jarak kurang dari 1 METER melebihi 15 MINIT		
	d. Menaiki kenderaan yang sama (melebihi 2 jam) dalam jarak 2 kerusi (2 meter) dari individu positif COVID-19		

TANDA-TANDA	YA	TIDAK
Demam		
Batuk		
Sakit Tekak		
Selsema		
Sesak Nafas		
Lain-lain:		
Suhu Badan		

Tandatangan OKT

 Nama : _____
 No Kad Pengenalan : _____

Tandatangan Anggota AADK

 Nama : _____
 No Kad Pengenalan : _____